

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED  
@ HASHIM [ KUALA TERENGGANU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perkembangan terkini Jawatankuasa Kabinet yang ditubuhkan untuk memperhalusi kaedah pembayaran tuntutan royalti minyak dan apakah jaminan Kerajaan bahawa hak royalti sedia ada akan berjalan seperti biasa sepanjang tempoh kajian itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) bagi Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) antara lain turut membincangkan isu tuntutan berkaitan minyak dan gas. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) bagi Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 17 Disember 2018 memutuskan supaya ianya dibincangkan dalam satu forum berasingan. Dalam hal ini, dua Forum Berasingan (*Separate Forum*) telah dibentuk yang dipengerusikan secara bersama antara YB Menteri Hal Ehwat Ekonomi dan YAB Ketua Menteri Sarawak (bagi isu berkaitan Sarawak) dan YAB Ketua Menteri Sabah (bagi isu berkaitan Sabah).

2. Skop forum berasingan ini merangkumi tiga (3) perkara iaitu:-
  - (i) Bayaran tunai atau Royalti;
  - (ii) Perbincangan komersial / *Business-to-Business* (B2B); dan
  - (iii) Cukai Jualan Produk Petroleum.
  
3. Mesyuarat Pertama Forum Berasingan untuk negeri Sarawak yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan YAB Ketua Menteri Sarawak telah diadakan pada 16 Mei 2019 manakala Mesyuarat Pertama Forum Berasingan untuk negeri Sabah yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan YAB Ketua Menteri Sabah telah diadakan pada 16 Julai 2019.
  
4. Sementara itu, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) bagi Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Julai 2019 bersetuju bahawa isu berkaitan petroleum akan dibincang dan diputuskan secara bersama antara YAB Perdana Menteri dan kedua-dua Ketua Menteri.
  
5. Keputusan daripada perbincangan antara ketiga-tiga pemimpin ini akan menjadi asas untuk meneruskan perbincangan termasuk mengenai kaedah dan kadar pembayaran royalti minyak kepada negeri-negeri berkenaan.

Sekian, terima kasih.